



Siaran Akhbar

PINDAAN KE ATAS NOTIS NISBAH KESELURUHAN KHIDMAT HUTANG

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), pada hari 20 Safar 1439 bersamaan 9 November 2017 telah mengeluarkan pindaan ke atas Notis Nisbah Keseluruhan Khidmat Hutang atau *Total Debt Service Ratio* (TDSR). Pindaan ini merupakan sebahagian daripada usaha terkini AMBD dalam menjana pertumbuhan ekonomi, di mana ekonomi negara telah meningkat sebanyak 0.7 peratus secara tahun-ke-tahun pada suku kedua 2017 (Q2 2017) dan dijangka akan meningkat sebanyak 0.7 peratus pada tahun 2018. Pindaan ini akan memberikan peluang kepada bank untuk menggunakan kecairan yang berlebihan dengan lebih berkesan yang seterusnya dapat meningkatkan sumbangan industri perbankan kepada Keluaran Dalam Kasar Negara (KDNK).
2. AMBD juga terus giat dalam membangunkan infrastruktur dan ekosistem kewangan Negara Brunei Darussalam melalui penambahbaikan ke atas rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan. Laporan Bank Dunia ‘Doing Business 2018’ baru-baru ini juga menunjukkan pencapaian yang signifikan di mana Negara Brunei Darussalam telah berjaya memperolehi kedudukan ke-2 dalam penilaian ‘mendapatkan kredit’, memandangkan akses kepada maklumat kredit adalah lebih mudah kepada peminjam dan pemberi pinjaman. Dalam meneliti pindaan ini, pihak AMBD juga mengambilkira penilaian yang telah dilaksanakan terhadap sektor perbankan di mana sektor ini masih menunjukkan tren kekuahan yang berterusan.
3. Mengambilkira perkembangan-perkembangan yang positif ini, AMBD telah memberikan kelonggaran kepada dasar TDSR di mana bank-bank boleh melebihi had maksima 60% bagi beberapa kemudahan kredit. Ini termasuk kemudahan pembiayaan *Mortgage Equity* namun tertakluk kepada beberapa syarat, seperti harta tanah yang dicagarkan hendaklah menjana pendapatan dan bukan satu-satunya harta tanah peminjam. Kelonggaran ini juga termasuk kemudahan kredit yang dijamin sepenuhnya seperti yang dicagarkan dengan wang tunai dan simpanan tetap. Pada masa yang sama, tertakluk kepada dasar kredit dalam bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan, kelonggaran untuk melebihi had 60% TDSR juga boleh diberikan bagi segmen peminjam yang bergaji bersih BND10,000 dan ke atas. Di samping itu, pihak AMBD juga telah meningkatkan had *portfolio* pinjaman peribadi bank mengikut peraturan yang ada untuk memberikan ruang pinjaman terhadap bank-bank di negara ini bagi mempertingkatkan pinjaman sektor isi rumah.
4. AMBD, selaku pengawalselia dan penyelia sektor kewangan, sentiasa memantau keberkesanan peraturan-peraturan yang dikeluarkan untuk memastikan ianya adalah selaras dengan persekitaran ekonomi dan pasaran semasa. Sebagai contoh, pada Oktober 2015, AMBD telah memberikan kelonggaran terhadap dasar TDSR terutamanya bagi peniaga-peniaga, di mana pendapatan yang bukan tetap seperti pendapatan sewa dan perniagaan yang lain boleh

diambilkira dalam perkiraan pendapatan bulanan bersih, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Selain daripada itu, kad kredit yang dijamin dengan simpanan tetap juga telah dikecualikan daripada perkiraan TDSR. Baru-baru ini, mulai 10 Ogos 2017, AMBD juga telah meminda dasar TDSR dan membolehkan bank-bank termasuk Perbadanan TAIB untuk meningkatkan had TDSR daripada 60 peratus kepada 70 peratus maksima, khusus bagi pembiayaan untuk pembinaan atau pembelian hartanah seperti rumah.

5. Meskipun kelonggaran terhadap dasar TDSR diberikan, para pengguna hendaklah mempunyai pengetahuan dan kemahiran kewangan yang bersesuaian dalam menguruskan kewangan secara berhemah. Dalam hal ini, AMBD akan terus bergiat aktif di dalam meningkatkan tahap celik dan kesedaran kewangan orang ramai dengan mengadakan jerayawara kepada kementerian-kementerian dan sekolah-sekolah, serta melalui laman web dan platform-platform sosial AMBD, untuk menerapkan mesej celik kewangan di kalangan orang ramai secara keseluruhan.
6. Sejak dasar TDSR mula dikuatkuasakan pada Jun 2015, AMBD telah memerhatikan beberapa perkembangan yang ketara terhadap had TDSR peminjam di negara ini di mana jumlah peminjam yang mempunyai had TDSR melebihi 60 peratus telah pun berkurangan. Pada bulan September 2017, sebanyak 26 peratus peminjam mempunyai had TDSR melebihi 60 peratus berbanding dengan sebanyak 36 peratus peminjam pada bulan Jun 2015. Ini menunjukkan peningkatan dalam pengurusan kewangan peminjam di negara ini. Dasar TDSR diharap akan terus memupuk ke arah masyarakat yang bijak kewangan dan *financially-sustainable*, selaras dengan aspirasi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah mencapai Wawasan 2035.
7. Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web AMBD di www.ambd.gov.bn untuk mendapatkan senarai Soalan-Soalan Yang Sering Diajukan (Frequently Asked Questions); memuat turun AMBD App secara percuma melalui App Store atau Google Playstore.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 24 Safar 1439 / 13 November 2017

Rujukan: AMBD/COMMS/3